



KEBIMBANGAN DALAM KALANGAN KELUARGA BERPENDAPATAN RENDAH SEMASA PANDEMIK COVID-19

ANXIETY AMONG LOW-INCOME FAMILIES DURING THE PANDEMIC COVID-19

**Mohd Fikri Mohd Mokhtar¹, Raja Nurul Hafizah Raja
Ismail¹**

¹ Jabatan Pendidikan dan Pembangunan Insan, Fakulti Pengajian
Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

Abstrak

Penularan wabak COVID-19 yang melanda negara pada Mac 2020 menyebabkan berlakunya perubahan dalam pelbagai sektor antaranya sektor pendidikan, ekonomi, pelancongan dan sebagainya. Kebimbangan disebabkan kemelesetan ekonomi dan juga peningkatan jumlah kes memberi kesan yang ketara kepada masyarakat terutamanya dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah. Golongan B40 adalah terdiri daripada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM 4,300.00 sebulan. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kebimbangan dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah (B40) dengan menggunakan instrumen soal selidik Depression, Anxiety and Stress Scale (DASS-21). Terdapat dua bahagian dalam soal selidik iaitu Bahagian A (demografi) dan Bahagian B (DASS-21). Seramai 128 orang responden yang terlibat dalam kajian ini merangkumi golongan B40 di seluruh daerah negeri Pahang. Hasil dapatan menunjukkan kebimbangan dalam kalangan golongan B40 sewaktu COVID-19 adalah tinggi (min=1.872), iaitu jumlah min kedua tertinggi selepas stres. Oleh itu, pihak berwajib perlu mengambil inisiatif sewajarnya agar tahap kesihatan mental dalam kalangan B40 dapat ditingkatkan dan mengurangkan statistik penghidap penyakit mental di Malaysia.

Kata kunci: Kebimbangan, B40, COVID-19, DASS-21, Malaysia

Abstract

The spread of the COVID-19 pandemic that hit the country in March 2020 led to changes in various sectors including the education, economic, tourism and so on. Concerns due to the recession as well as the increase in the number of

Perkembangan Artikel

Diterima: 9 Disember 2022

Disemak: 16 Januari 2023

Diterbit: 31 Januari 2023

**Corresponding Author:*

Raja Nurul Hafizah Raja Ismail
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad
Shah

Email: hafizah@unipsas.edu.my

cases has a significant impact on the community, especially in low -income families. The B40 group is made up of households earning less than RM 4,300.00 a month. This study was to identify the level of anxiety among low-income families (B40) using the Depression, Anxiety and Stress Scale (DASS-21) questionnaire instrument. There are two sections in the questionnaire: Section A (Demographic) and Section B (DASS-21). A total of 128 respondents involved in this study included B40 groups throughout the Pahang state district. The findings showed anxiety among the B40 groups during the COVID-19 (min = 1.872), the second highest mean after stress. Therefore, the authorities need to take appropriate initiatives so that mental health levels among the B40 can be improved and reduce the statistics of mental illness in Malaysia.

Keywords: Anxiety, COVID-19 pandemic, B40 household, DASS-21, Malaysia

PENGENALAN

Sejak akhir-akhir ini, isu kesihatan mental semakin membimbangkan dalam kalangan masyarakat. Peningkatan isu kesihatan mental dapat dilihat dari tahun ke tahun berdasarkan statistik dan kajian yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan badan-badan yang bertanggungjawab. Pada tahun 2018, tiga daripada sepuluh orang dewasa berusia lebih 16 tahun menderita pelbagai isu kesihatan mental. Ia dikatakan merupakan masalah kesihatan kedua terbesar rakyat Malaysia menjelang era 2020 selepas penyakit jantung (Kajian Morbiditi Kesihatan Kebangsaan, 2018). Peningkatan ini selaras dengan kemajuan negara kita yang semakin berkembang serta beberapa cabaran getir yang dilalui oleh seluruh masyarakat dunia iaitu wabak Pandemik COVID-19. Individu yang sihat secara total bukanlah individu yang kuat dan cergas secara fizikalnya sahaja, tetapi ianya juga merangkumi sihatnya mental dan psikologi seseorang.

Walau bagaimanapun, pelbagai tafsiran berkaitan kesihatan mental sering didengari dalam kalangan masyarakat. Kesihatan mental dan penyakit mental adalah dua perkara yang berbeza. Individu normal adakalanya mempunyai kesihatan mental yang tidak stabil disebabkan oleh beberapa faktor seperti persekitaran, tekanan di tempat kerja, masalah kewangan, masalah keluarga dan lain-lain namun masih lagi berupaya menjalankan aktiviti hariannya yang lain seperti biasa. Berbeza dengan penyakit mental seperti Skizofrenia, Kemurungan dan lain-lain yang mana fungsi hariannya terjejas dan memerlukan rawatan yang khusus untuk menanganinya. Oleh sebab itu, setiap individu perlu bijak menguruskan emosi, mengendalikan tekanan dengan baik, mendapatkan sokongan persekitaran, gaya hidup yang sihat dan mengelakkan penyalahgunaan bahan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut Jabatan Statistik Malaysia, golongan B40 ditakrifkan sebagai keluarga yang

mempunyai pendapatan di bawah RM 3,000.00. Golongan ini seringkali mendapat perhatian dalam belanjawan negara dan juga menjadi tumpuan utama dalam pelbagai sektor sama ada pendidikan mahupun ekonomi. Dalam mendepani cabaran ke arah menjadi sebuah negara maju, golongan B40 berhadapan dengan pelbagai masalah terutamanya dari segi ekonomi, pendidikan dan ketidakupayaan dalam menguruskan kewangan keluarga (Mayan et al., 2017). Status sosioekonomi yang lebih rendah dikaitkan dengan tahap pendidikan yang lebih rendah, pengangguran dan kewangan yang lemah menyebabkan berlakunya peningkatan penyakit mental (Ross et al., 2020). Perintah Kawalan Pergerakan atau lebih dikenali sebagai 'Movement Control Order' pada Mac 2020 yang diisytiharkan oleh kerajaan Malaysia sebagai tindak balas kepada krisis wabak COVID-19 menyukarkan lagi golongan B40 untuk memiliki tahap kewangan yang baik bagi kelangsungan hidup mereka. Walaupun perintah kawalan pergerakan yang diisytiharkan oleh pihak kerajaan adalah bertujuan untuk mengekang penularan wabak dalam kalangan masyarakat, keadaan itu secara tidak langsung memberi beban sosial dan ekonomi terhadap individu dan masyarakat (Eyawo et al., 2021).

Kebimbangan ditakrifkan sebagai rasa takut atau ketakutan dan ketidakselesaan yang menyebabkan seseorang itu berasa gelisah, tegang atau mempunyai degupan jantung yang cepat. Kebimbangan lazimnya menjadi satu tindak balas normal apabila individu itu menghadapi tekanan. Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Wang et al. (2021), penularan COVID-19 dalam kalangan masyarakat berpendapatan rendah memberi impak terhadap sosioekonomi golongan ini, sebagai contoh kadar pengangguran yang tinggi. COVID-19 juga dapat meningkatkan kebimbangan dalam kalangan individu yang pernah mempunyai sejarah pengasingan traumatik atau obsessive compulsive disorder (OCD) atau skizofrenia kronik (Peteet, 2020). Kajian oleh Mann et al. (2020) mengenai kebimbangan mengenai tahap ekonomi peribadi sewaktu COVID-19 menunjukkan, golongan belia mempunyai tahap kebimbangan yang tinggi berbanding warga tua. COVID-19 juga telah menyebabkan kadar pengangguran di Malaysia meningkat sebanyak 4.8 peratus menurut perangkaan terkini oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (Alzahrin Alias, 2021). Pandemik COVID-19 yang berpanjangan menyebabkan golongan B40 terjejas teruk dan memberi impak terhadap psikologi dan kualiti hidup mereka (Joo et al., 2021). Masyarakat mudah cenderung untuk mengalami kebimbangan yang teruk disebabkan COVID-19 tidak kira umur, jantina atau sejarah penyakit (Ismail et al., 2021).

Sehubungan itu, perlunya ada kajian mengenai tahap kesejahteraan kesihatan mental atau tahap kebimbangan dalam kalangan golongan berpendapatan rendah ini. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kebimbangan dalam kalangan golongan B40.

METODOLOGI KAJIAN


Kajian tinjauan ini berbentuk deskriptif dan melibatkan seramai 128 orang responden melalui persampelan rawak mudah telah dijalankan di seluruh negeri Pahang. Terdapat dua bahagian dalam soal selidik ini iaitu Bahagian A merangkumi soalan berkaitan demografi responden manakala Bahagian B adalah DASS-21. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah

berbentuk borang soal selidik iaitu *Depression, Anxiety, Stress Scale* (DASS-21). Soal selidik ini mempunyai 21 item dan mempunyai empat skala jawapan iaitu Tidak Pernah, Jarang, Kerap, dan Sangat Kerap. *Cronbach Alpha* bagi instrumen ini secara puratanya adalah 0.926 (Ahmad et al., 2018). Antara elemen yang diukur dalam DASS-21 adalah kemurungan (*depression*), kebimbangan (*anxiety*) dan tekanan (*stres*). Soal selidik ini diedarkan kepada responden melalui platform media sosial seperti Facebook, Telegram dan lain-lain. Pengkaji mengambil masa selama satu bulan untuk mengumpul dapatan kajian. Untuk analisis deskriptif, data diukur dengan melihat kepada min, sisihan piawai dan peratusan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 23.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1: Pendapatan isi rumah

Pendapatan Isi Rumah				
	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Kurang dari RM 2560	71	55.5	55.5	55.5
RM2560-RM3019	22	17.2	17.2	72.7
RM3020-RM3449	11	8.6	8.6	81.3
RM3500-RM3899	19	14.8	14.8	96.1
RM2501-RM3169	1	.8	.8	96.9
RM3170-RM4849	4	3.1	3.1	100.0
Total	128	100.0	100.0	



Jadual 1 di atas menunjukkan purata jumlah pendapatan isi rumah dalam kalangan keluarga B40. Berdasarkan dapatan tersebut, jumlah pendapatan isi rumah RM 2560 ke bawah adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 71 orang responden (55.5%). Dapatan ini menunjukkan masih lagi terdapat ramai keluarga yang mempunyai pendapatan di bawah RM 2560 berbanding kategori pendapatan yang lain.

Jadual 2: Min Kebimbangan, Stres dan Kemurungan

Statistik Deskriptif			
	N	Jumlah	Min
Kebimbangan	128	233.86	1.8270
<i>Valid N (listwise)</i>	128		
Stres	128	252.43	1.9721
<i>Valid N (listwise)</i>	128		
Kemurungan	128	230.29	1.7991
<i>Valid N (listwise)</i>	128		

Jadual 2 di atas menunjukkan perbezaan min ketiga-tiga kategori iaitu stress, kebimbangan, dan kemurungan. Min bagi kebimbangan adalah sebanyak 1.8270 iaitu kedua tertinggi selepas min stress. Ianya boleh dirumuskan bahawa keluarga B40 ini masih mempunyai isu kesihatan mental dalam kategori kebimbangan yang agak tinggi.

CADANGAN & KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan pengkaji, tahap kebimbangan dalam kalangan komuniti ini agak membimbangkan. Keadaan ini selari dengan dapatan yang dijalankan oleh Wang et al. (2021) dan Wong et al. (2021) mengenai kebimbangan terhadap ketidakstabilan ekonomi isi rumah akan meningkatkan tahap kebimbangan dalam golongan ini.

Kerisauan terhadap kehilangan pekerjaan dan ingin meneruskan kelangsungan hidup ketika pandemik yang melanda ini memberi kesan yang negatif terhadap kesihatan mental. Walaupun telah banyak inisiatif yang diberikan oleh pihak kerajaan bagi membantu golongan berpendapatan rendah ini untuk meneruskan kelangsungan hidup, tetapi masih belum cukup untuk membantu menstabilkan ekonomi golongan B40. Kebimbangan disebabkan oleh penularan wabak ini juga sebagai salah satu faktor yang meningkatkan keresahan dalam kalangan golongan B40. Hal ini kerana mereka tidak dapat meneruskan pekerjaan seperti biasa dan kebanyakan industri telah menggantikan sumber tenaga manusia kepada teknologi yang

semakin berkembang kini.

Namun terdapat limitasi yang perlu dinilai dan dikaji semula oleh pengkaji akan datang. Dapatan kajian ini hanya menjurus kepada golongan B40 di negeri Pahang. Oleh itu, dapatan ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua golongan B40 diseluruh Malaysia. Selain itu, saiz sampel dalam kajian ini adalah kecil maka dicadangkan kepada pengkaji akan datang agar meluaskan lagi pengambilan sampel agar data yang diukur lebih signifikan. Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, perlunya ada intervensi khusus bagi membantu mengurangkan kebimbangan golongan ini terutamanya golongan berpendapatan rendah (B40).

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

- Ahmad, N., Roslan, S., Othman, S., Shukor, S. F. A., & Bakar, A. Y. A. (2018). The Validity and Reliability of Psychometric Profile for Depression, Anxiety and Stress Scale (DASS21) Instrument among Malaysian Undergraduate Students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(6), 20–21. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v8-i6/4275>
- Alzahrin Alias. (2021, August 9). *Kadar pengangguran negara kembali meningkat*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/08/849124/kadar-pengangguran-negara-kembali-meningkat>
- Eyawo, O., Viens, A. M., & Ugoji, U. C. (2021). Lockdowns and low- and middle-income countries: building a feasible, effective, and ethical COVID-19 response strategy. *Globalization and Health*, 17(1), 1–5. <https://doi.org/10.1186/s12992-021-00662-y>
- Ismail, R. N. H. R., Hussin, N. Y. C., & Bakar, A. Y. A. (2021). Depression, Anxiety And Stress Level Among Low-Income Family During Covid-19 Pandemic In Malaysia. *Journal of Legal, Ethical and Regulatory Issues*, 24(Special Issue 1), 1–5.
- Joo, G. S., Devan, D. M. O., Qi, C. S., & Patil, S. S. (2021). Association between depression, anxiety, stress and perceived quality of life in a Malaysian B40 urban community during the COVID-19 lockdown: A cross-sectional study [version 1; peer review: awaiting peer review]. *F1000Research*, 10(July 2021), 1–11. <https://doi.org/10.12688/f1000research.51924.1>
- Mann, F. D., Krueger, R. F., & Vohs, K. D. (2020). Personal economic anxiety in response to COVID-19. *Personality and Individual Differences*, 167(May), 110233. <https://doi.org/10.1016/j.paid.2020.110233>

- Mayan, S. N. A., Nor, R. M., & Samat, N. (2017). Challenges To the Household Income Class B40 Increase in Developed Country Towards 2020 Case Study: Penang. *International Journal of Environment, Society and Space*, 5(2), 35–41.
- Peteet, J. R. (2020). COVID-19 Anxiety. *Journal of Religion and Health*, 59(5), 2203–2204. <https://doi.org/10.1007/s10943-020-01041-4>
- Ross, S. G., Bruggeman, B., Maldonado, M., & Deiling, M. (2020). Examining Personal, Perceived, Treatment, and Self-Stigma in College Students: The Role of Parent Beliefs and Mental Health Literacy. *Journal of College Student Psychotherapy*, 34(3), 183–197. <https://doi.org/10.1080/87568225.2019.1580657>
- Wang, C., Song, W., Hu, X., Yan, S., Zhang, X., Wang, X., & Chen, W. (2021). Depressive, anxiety, and insomnia symptoms between population in quarantine and general population during the COVID-19 pandemic: a case-controlled study. *BMC Psychiatry*, 21(1), 1–9. <https://doi.org/10.1186/s12888-021-03108-2>
- Wang, H., Zhang, M., Li, R., Zhong, O., Johnstone, H., Zhou, H., Xue, H., Sylvia, S., Boswell, M., Loyalka, P., & Rozelle, S. (2021). Tracking the effects of COVID-19 in rural China over time. *International Journal for Equity in Health*, 20(1), 1–13. <https://doi.org/10.1186/s12939-020-01369-z>
- Wong, L. P., Alias, H., Md Fuzi, A. A., Omar, I. S., Nor, A. M., Tan, M. P., Baranovich, D. L., Saari, C. Z., Hamzah, S. H., Cheong, K. W., Poon, C. H., Ramoo, V., Che, C. C., Myint, K., Zainuddin, S., & Chung, I. (2021). Escalating progression of mental health disorders during the COVID-19 pandemic: Evidence from a nationwide survey. *PLoS ONE*, 16(3 March), 1–15. <https://doi.org/10.1371/journal.pon>

